

# RASUAH: PASTI DISINGKIRKAN

## Walau kurang bukti: Dr. M

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan di Dewan Rakyat, pegawai kerajaan atau orang politik yang disyaki rasuah tapi tidak terdapat bukti untuk membawa mereka ke pengadilan akan disingkir.

Katanya, kini terdapat dakwaan setengah golongan, Kerajaan seolah-olah tidak mengambil tindakan ke atas pegawai atau orang politik yang dikatakan rasuah.

Tetapi, katanya, golongan yang mengemukakan dakwaan ini tidak pula ingin mengetahui sama ada pihak Kerajaan menjalankan siasatan terhadap orang yang disyaki itu.

Sebenarnya, segala dakwaan disiasat rapi dan sekiranya tidak terdapat cukup bukti, dakwaan itu tidak dapat dikemukakan ke pengadilan.

### Singkir

Dan sekiranya yang disyaki di bawa ke mahkamah tanpa bukti, mungkin mereka pula akan mengambil tindakan undang-undang kerana namanya dicemar.

Oleh itu, katanya, Kerajaan tetap mengambil tindakan menerusi cara lain, iaitu dengan menyingkir mereka dari apa jua jawatannya dalam politik atau kerajaan.

Perdana Menteri menjelaskan demikian sewaktu mengulung perbahasan terhadap Rang Undang-undang Badan Pencegah Rasuah 1982 yang kemudiannya diluluskan dengan sebulat suara.

Sewaktu membentangkan rang undang-undang tersebut, Perdana Menteri berkata, hasrat utama kerajaan baru ialah untuk mewujudkan pentadbiran yang bersih, cekap dan lalin.

Untuk mencapai matlamat ini perhatian yang berat adalah dibentangkan kepada usaha mencegah sebarang perbuatan rasuah.

"Saya yakin dengan perubahan-perubahan yang akan diluluskan, institusi mencegah

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

